

17/04/2002

Ketegasan Azalina letakkan Puteri di tempat sewajarnya

Jamhariah Jaafar

NAMA Azalina Othman dan Puteri Umno tidak dapat dipisahkan. Sejak cadangan pembentukan Puteri mula disebut awal tahun lalu kepada status rasmi pada 3 Ogos 2001 dan kini bakal dijadikan satu entiti tersendiri dalam Umno, Jun ini, Azalina dan Puteri terus mencetus berita hangat kepada media massa.

Perkembangan terbaru sekali lagi membabitkan sikap tegas Azalina, yang memang terkenal kegarangannya. Ramai yang tidak mengenali wanita berbadan tegap ini, sudah pasti akan termakan dengan cakap-cakap orang mengenai sikap dan tindakannya yang tegas dan sukar untuk bertolak-ansur.

Apa yang diarahkan, itu yang mesti dilaksanakan oleh anak-anak buahnya.

Cerita itu meletus apabila anggota Exco terbarunya dari kalangan artis, Erma Fatima, meletak jawatan selepas pada peringkat awal begitu bersemangat untuk membantu Umno.

Sebelum itu, seorang lagi artis, iaitu Erra Fazira, meletak jawatan kerana terlalu sibuk dengan kerjayanya, dan beberapa anggota Exco lain termasuk Bendahari Puteri, Raja Emylia Raja Lope Ahmad, turut menarik diri kerana tidak dapat memenuhi rutin Puteri yang terlalu padat.

Disebabkan kebanyakan ahli Puteri adalah anak muda yang masih mencari keyakinan diri serta belum memiliki sikap kepemimpinan yang boleh dibanggakan, maka ketokohan Azalina sebagai seorang wanita berjiwa besar, pantas, cekap bekerja, tidak mahu membuang masa dan lantang dalam menegaskan pendirian, sudah pasti menggerunkan kebanyakan mereka.

Kadang-kadang terdengar cakap-cakap bahawa Azalina lebih garang daripada semua ahli Pergerakan Pemuda Umno.

Semua faktor di atas adalah satu hakikat yang sukar untuk dinafikan andainya sikap Azalina sekadar dilihat dari segi luaran semata-mata. Kerana itu, sebelum membuat kesimpulan akhir, perwatakannya harus lebih dulu dikenali untuk mengetahui mengapa dia bersikap demikian dan apa tujuannya.

Azalina dikenali memang sukar untuk beramah mesra. Bagaimanapun, sebagai seorang yang meminati politik tempatan, pergerakan Azalina dan Puterinya sentiasa mendapat perhatian.

Jika diperhatikan, sikap tegas Azalina memang tidak boleh dielakkan.

Selain memang dilahirkan sebagai seorang yang memiliki wajah serius dan keberanian yang jarang dimiliki wanita Timur, Azalina sebenarnya menghadapi 1,001 cabaran sebaik melangkah masuk ke dalam arus politik perdana.

Ketika kemelut politik serius melanda tanah air pada 1999, Umno jelas kehilangan sokongan Melayu yang agak parah. Keadaan lebih sukar apabila generasi muda, terutama di institusi pengajian tinggi (IPT) mengamalkan sikap anti-establishment.

Umno yang sebelum itu tidak pernah membenarkan ahlinya berpolitik di kampus, kelihatan terkial-kial untuk mencari tapak di kawasan yang telah lama dikuasai pembangkang.

Dalam pada Pemuda Umno menyusun langkah untuk menangani masalah itu, Pergerakan Wanita Umno yang selama ini lebih tertumpu kepada golongan yang telah berusia, kelihatan amat sukar untuk menarik perhatian generasi muda.

Justeru, dalam pencarian untuk meleraikan kemelut ini, Azalina timbul dan idea untuk mewujudkan satu entiti golongan wanita muda dipersembahkan kepada kepemimpinan tertinggi Umno.

Bagaimanapun, idea itu menimbulkan pula polemik di kalangan ahli Pergerakan Wanita apabila Azalina bertegas tidak mahu diletak di bawah

sayap Wanita, sebaliknya Puteri mesti memiliki identiti tersendiri.

Wanita Umno berkecil hati apabila Azalina melabel pergerakan itu sebagai 'kumpulan makcik-makcik' yang tidak mampu menarik perhatian wanita muda, baik yang profesional, masih belajar mahupun di kilang.

Kemudian, ketika garis usia menjadi perbualan hangat, Azalina bertegas mahukan ahli Puteri berusia 40 tahun ke bawah.

Namun, perjuangannya yang satu ini gagal apabila Majlis Tertinggi berkompromi dengan menetapkan ahli Puteri berusia 35 tahun ke bawah. Hanya Ketua Puteri boleh berumur hingga 40 tahun.

Sebaik menerima lampu hijau untuk bergerak, Azalina pantas menyusun langkah. Jentera pada peringkat negeri dikerah dan setiap negeri diberi sasaran mendapatkan keahlian sekurang-kurangnya 10,000 orang dalam tempoh lima bulan.

Matlamat itu sedikit tersasar tetapi angka 84,000 ahli dalam tempoh lima bulan adalah sesuatu yang mengagumkan, apatah lagi semua program dan projeknya bukan saja berkesan, bahkan mendapat sokongan kepimpinan tertinggi parti selain publisiti meluas.

Azalina pernah berkata, beliau terpaksa mengambil jalan pintas bagi melatih ahli Puteri yang bercambah umpama cendawan selepas hujan.

"Hendak mengajar mereka, mungkin mengambil masa lebih setahun. Jadi saya buat jalan pintas, kita bagi dia menu. Saya lantik seorang pegawai biro sepenuh masa.

"Saya ada 10 biro, setiap pegawai biro ini akan menjadi pemerhati dan memberi tunjuk ajar untuk memastikan adik-adik Puteri ini tidak berjalan dalam gelap," katanya.

Antara lain, menu latihan membabitkan perkara mudah seperti membuat program rasmi, melakar kertas cadangan dan laporan kewangan mengikut format rasmi kerana ramai ahli Puteri masih begitu mentah tetapi tidak takut untuk mencurahkan sumbangan.

Namun, semua itu bukannya datang menggolek tetapi hadir dengan ketegasan dan 'kegarangan' Azalina yang memastikan semua jenteranya bergerak lancar.

Kadang-kadang memang benar jika dikatakan Puteri adalah lebih 'pemuda' daripada Pergerakan Pemuda sendiri.... satu hakikat yang mungkin tidak dapat diterima oleh Pemuda Umno.

Ketika ditemui selepas lima bulan menjadi nakhoda Puteri, Azalina berkata beliau terpaksa bertindak pantas bersesuaian dengan prinsipnya: "Kita hidup hanya sekali. Kematian boleh berlaku pada bila-bila masa. Saya takut kalau kita tidak sempat habiskan tugas dan kita mati, siapa yang akan menyambung perjuangan kita."

Seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan beberapa pemimpin Umno lain yang memang 'gila bekerja' tetapi jarang mendapat penghargaan sewajarnya, Azalina dan kumpulan ini boleh dikategorikan sebagai jenis yang luar biasa.

Bagaimanapun, jenis ini juga banyak mempunyai musuh, baik secara tersembunyi mahupun secara terang-terangan.

Tetapi ketika diajukan soalan ini, wanita yang dilatih sebagai peguam ini berkata: "Sebagai seorang peguam, saya kena berpegang kepada kepercayaan bahawa apa yang saya sendiri tidak dengar dan tidak nampak, saya tidak percaya.

"Saya tidak takut kehilangan kedudukan. Inilah bezanya saya dan orang lain. Kedudukan bukanlah segala-galanya. Esok sekalipun atau jam 12 tengah malam ini, kalau saya disuruh berhenti, saya akan berhenti. Ia tidak menyusahkan saya dan ego saya tidak tergunat."

Memang sejak awal wanita berusia 39 tahun ini yang mempunyai tali pinggang hitam dalam taekwondo, sudah ditegur mengenai sikapnya yang terlalu agresif tetapi beliau hanya mengangkat bahu.

"Saya tidak boleh membuat mereka semua menyukai saya. Apa yang boleh

saya lakukan? Mereka semua ada akal fikiran. Jika mereka berasakan saya tidak baik untuk parti atau negara dan ingin membunuh saya, silakan.

"Pada saya, yang menentukan semua ini ialah Allah swt. Walaupun mereka membuat `character assassination' (pembunuhan karektor), ingin saya bersara, cakap PM tak suka, suruh saya berhenti... so what?

"Saya masih seorang peguam, saya tidak takut. Yang penting saya tidak korup. Bila saya pergi program ceramah, beratus orang menunggu. Kalau ada nak kata orang tidak suka Azalina, orang kampung tak suka, bahagian tidak suka... tapi beratus orang menunggu berbanding dengan orang yang tuduh saya," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak dapat lari daripada perasaan sedikit kecewa, terutama apabila melihat bukan saja bangsa Melayu cuba menghancurkan satu sama lain, bahkan keadaan yang sama kadangkala menyelubungi Umno.

"Kita tengok parti pembangkang tidak ada apa sangat tapi orang Umno sendiri membunuh Umno. Mereka tidak patut melakukan itu tetapi itulah yang berlaku."

Itu adalah antara luahan Azalina yang tidak pernah disiarkan dan percubaan untuk membunuh karektornya berlaku sekali lagi sekarang. Tetapi kali ini mungkin mencerminkan sikapnya yang tidak begitu mengambil berat untuk mengubah perangai.

Persoalan yang perlu ditanya ialah apakah sikap tegas, lantang, berani dan garangnya satu kelemahan? Tidakkah dalam beberapa situasi, terutama untuk mencapai sesuatu matlamat, sikap demikian penting bagi memastikan sebarang hasrat dapat direalisasikan?

Walaupun pembabitan dalam parti politik hanya satu penyertaan sukarela, orang seperti Azalina penting bagi memastikan kelangsungan parti politik itu sendiri.

Jika pemimpin sekadar bersikap lepas tangan, menyerahkan tugas kepada orang bawahan untuk melakukan segala perkara dan tidak mengawasi sendiri kelancaran sesebuah pergerakan itu, maka sudah tentu akan timbul semacam kelesuan.

Dan jika itu berlaku, maka akan kedengaran pula pelbagai kritikan terhadap kepemimpinan peringkat tertinggi seperti pemimpin lembap, pondan dan tidak berwibawa.

Justeru, tidak ada siapa yang dapat menidakkan jasa Azalina dalam membentuk imej Puteri sehingga hampir setaraf kalau pun tidak menyamai Pemuda dan Wanita Umno.

Mungkin jika beliau bersikap lemah lembut dan tidak garang, Puteri tidak akan menjadi seperti sekarang.

Tetapi pada masa sama, Azalina mungkin sesekali perlu diingatkan bahawa Puteri masih terikat dengan budaya wanita Timur yang cintakan kelembutan.

(END)